

29/07/2001

Terlalu awal umum badan khas: Musa

KUALA LUMPUR: Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad akan mengumumkan barisan jawatankuasa khas sukarelawan bagi membantu menangani masalah pelajar Melayu tidak lama lagi.

Malah, beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berkata, masih terlalu awal untuk beliau berbuat demikian.

"Keahlian belum ditentukan... terlalu awal untuk diumumkan," katanya selepas melancarkan sambutan Hari Terbuka Teknologi Maklumat Untuk Orang Buta di Kompleks MAB di sini, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Musa mengetuai badan khas sukarelawan di kalangan pegawai dan guru bagi membantu menangani masalah pelajar Melayu.

Penubuhan badan itu adalah antara syor Umno kepada kerajaan sebagai langkah radikal bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada belenggu gejala sosial, keruntuhan moral, keciciran dan masalah pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi.

Terdahulu dalam ucapannya, Musa berkata, Kementerian Pendidikan akan mendirikan empat Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Katanya, sekolah itu akan dibina di Merbok, Kedah manakala tiga lagi di Pahang, Johor dan Sarawak.

"Semua sekolah itu akan dilengkapi kemudahan termasuk makmal komputer bagi pelajar kurang upaya, supaya memiliki ciri bestari dengan perkakasan dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini," katanya.

Ketika ini seramai 137 pelajar kurang upaya pendengaran dan masalah pembelajaran mengikuti di enam sekolah menengah teknik dan vokasional di seluruh negara.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga menubuhkan enam sekolah pendidikan khas serta memperluaskan kemudahan pembelajaran untuk kanak-kanak kurang upaya ke 23 sekolah harian.

Di samping itu, seramai 90 pelajar kurang upaya sedang mengikuti pengajian di tiga politeknik manakala 70 lagi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi, termasuk 21 sedang mengikuti kursus perguruan di maktab perguruan.

(END)